



KONFERENSI AKADEMIK

SOARING
UPWARDS
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION



جامعة تكنولوجيا مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

KONAKA

KONFERENSI AKADEMIK

2016

Pengkongsian Ilmu Dari Perspektif Islam

30 November 2016 | Rabu
UiTM Cawangan Pahang
Kampus Jengka



MELONJAK UTM
DI PERSADA GLOBAL

UiTM Sentiasa

Senibina dalam al-Qur'an: Satu Sorotan

Aiza Budin^{1*}, Wan Azmi Wan Ahmad², Dr Abu Bakar Jaafar³, Norain Arshad⁴

¹⁻⁴Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA Pahang,
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang, Malaysia
aizabudin@pahang.uitm.edu.my, wanazmi@pahang.uitm.edu.my
drabubakar@pahang.uitm.edu.my, norainarshad@ymail.com

*Penulis Rujukan

Abstrak: Kemampuan menguasai ilmu pengetahuan secara intergratif boleh menjadikan kita memiliki kekuatan pengetahuan yang pelbagai dan semasa supaya kecemerlangan intelektual dapat dikembangkan, kekuatan peribadi dapat ditampilkan dan ketangkasanan jasmani dapat dibangunkan. Pendidikan integratif bermaksud pendidikan yang memadukan ilmu Fardu Ain, iaitu ilmu yang wajib ke atas setiap Muslim mempelajarinya secara individu seperti ilmu fiqh dan ilmu usul (dasar-dasar agama), dengan Ilmu Fardu Kifayah, iaitu ilmu yang diwajibkan ke atas umat Islam secara kelompok seperti ilmu perubatan, astronomi, seni bina dan sebagainya (Al-Zarnuji). Tujuan penulisan ini untuk menyingskap serta mengambil ibrah tentang al-Qur'an menggambarkan kejayaan umat yang terdahulu tentang seni bina. Ini memberi ruang kepada ahli teknokrat zaman kini menilai, mengkaji dan meneliti kalimah-kalimah Allah yang merupakan tanda-tanda bukti kewujudan dan keagungan Allah s.w.t. Penulisan kajian ini bukan bertujuan untuk memperincikan pemahaman seni bina daripada al-Qur'an, sebaliknya sebaliknya sebagai penemuan penting bahawa ciri-ciri yang dinyatakan di dalam al-Quran ini mengajak manusia menggunakan akal fikiran untuk berfikir tentang kebesaran Allah s.w.t melalui alam maya yang diciptakan ini. Metodologi kajian berdasarkan kepada penelitian ayat-ayat al-Qur'an telah berjaya membawa kepada penyenaraian himpunan sejumlah surah dan ayat yang mempunyai kaitan senibina. (Surah Al-A'raaf: ayat 73-74, Surah Saba': ayat 15, Surah Mu'minun: ayat 26 – 27).

Kata Kunci: Ibrah, Kemukjizatan Al-Qur'an, Senibina, Seni Bina dalam Al-Qur'an

1. Pengenalan

Al-Qur'an telah menempatkan akal yang tinggi dan mengingatkan tentang wajibnya beramal dan merujuk kepadanya. Isyarat itu tidak datang secara tidak langsung atau dalam bentuk spontan dalam ayat, tetapi didedahkan pada setiap tajuk dengan bahasa yang kuat dan tegas dari segi lafadz dan *dilalah* (dalil). Al-Qur'an menyebut berulang-ulang kali ketika anjuran untuk menggunakan akal, melarang orang beriman mengongkong akal fikirannya dan mencela orang yang mencuaikan akal dengan menggunakan hukuman terhadapnya (Jabir Qamihah, 1996).

Pengulangan isyarat menggunakan perkataan akal bukan dengan satu makna sahaja, tetapi ia mengandungi berbagai-bagi tugas dan ciri-ciri mengikut kemampuan manusia. Di dalam al-Qur'an terdapat lebih kurang 750 ayat rujukan berkaitan dengan ilmu dan tidak ada agama atau kebudayaan lain yang menegaskan dengan begitu tegas akan kepentingan ilmu dalam kehidupan manusia (Sulaiman Nordin, 1995). Menurut seorang doktor perubatan dari Perancis, Dr Maurice Bucaille (1978) dalam bukunya *The Bible, The Qur'an and Science*:

"Sementara terdapat kesalahan-kesalahan yang ketara dalam Bible, saya tidak mendapati satu kesalahan pun dalam al-Qur'an."

Islam dengan turunnya wahyu yang pertama memerintahkan Nabi Muhammad SAW membaca ayat Iqra' dari surah al-Alaq itu sendiri sebenarnya telah menekankan betapa pentingnya pendidikan dan ilmu pengetahuan untuk mendidik manusia dan menggunakan akal untuk memerhati, meneliti dan mengkaji (al-Ghazali, 1967) dan ayat Iqra' tersebut juga dari psikologinya melibatkan keseluruhan struktur mental manusia (Hassan Langgulung, 1978). Menurut Prof. Dr. Mohammad 'Atiyyah al-Abrashi (1967) ada menjelaskan:

"Pendidikan Islam itu biasanya hanya berbentuk akhlak, tetapi ia tidak meremehkan usaha mempersiapkan peribadi untuk hidup dan mengusahakan kehidupan dan mencari rezeki dan tidak melupakan pendidikan jasmani, akal, jiwa, kehendak rasa dan keperibadian."

Ayat al-Qur'an bukan sahaja membicarakan tentang hukum, tetapi menyebut tentang alam tabi'e yang menjadi objek kajian termasuk seni bina. Al-Qur'an memberikan isyarat (*hint/suggestions*) tentang perkara-perkara yang telah menjadi tumpuan kajian seni bina umpamanya tentang kajian:

- i. Empangan Ma'rib (Surah al-Naml, ayat 22-24)
- ii. Binaan tempat tinggal Kaum Thamud (Surat al-A'raaf, ayat 73-74)
- iii. Bandar Iram Kaum A'ad (Surah al-Fajr, ayat 8)

Secara dasarnya, penemuan yang sahih tentang seni bina hari ini tidak bercanggah dengan al-Quran. Hal ini disebabkan al-Quran dan ilmu seni bina datang daripada Allah SWT, al-Quran diturunkan oleh Allah SWT dan alam dicipta oleh Allah SWT. Kedua-duanya adalah daripada Allah SWT. Antara ayat al-Quran yang menjelaskan tentang hubungan ini ialah ayat 53 dalam surah Fussilat yang bermaksud:

"Akan Kami tunjukkan kepada mereka bukti-bukti kebenaran Kami di segenap ufuk (penjuru) dan pada diri mereka sendiri, sehingga jelas kepada mereka bahawa al-Quran itu benar."

(Fussilat 41: 53)

2. Definisi Seni Bina

Pemahaman terhadap seni bina sangat penting kerana kekaburannya akan menyebabkan kajian terhadap aspek lain akan terjejas. Dalam pentafsiran maksud seni bina, ahli akademik, pemikir dan para profesional dalam bidang tersebut telah memberikan pelbagai makna mengenainya. Ada antara mereka yang mengatakan bahawa seni bina sekadar bangunan sahaja, atau ada juga yang menyatakan bahawa seni bina tersebut merupakan ciri yang wajib ada dan terdapat pada nilai sesebuah bangunan. Ada juga yang berpendapat bahawa seni bina merupakan jiwa bangunan dan tidak kurang pula yang menganggap seni bina hanya sekadar gaya rupa sahaja.

Definisi seni bina boleh dikategorikan kepada seni dan bina. Seni atau *art* pada asalnya ialah perkataan Latin yang difokuskan kepada kerja tangan atau ukiran. Definisi ini amat luas digunakan pada abad pertengahan khususnya yang berkaitan dengan kerja tangan atau aktiviti teknikal dan ukiran (Lois Lamya al-Faruqi, 1984). Abdul Rahman Nawas dalam buku berjudul Tamadun Islam (1995), seni merupakan sesuatu yang indah. Seni dapat didefinisikan sebagai manifestasi daripada perasaan dan fikiran dengan pelbagai cara dan bentuk. Seni wujud dalam bentuk sastera, lagu, tulisan, seni bina dan sebagainya. Menurut Kamus Dewan (1992) seni mengenai bangunan-bangunan (penyediaan rekabentuk dan penyeliaan pembangunan bangunan dan sebagainya). Perkataan bina pula, menurut *Kamus Dewan* ialah seni atau ilmu merancang, membentuk dan membina bangunan. Ia juga boleh diistilahkan gaya sesuatu bangunan didirikan dan bentuk bangunan yang dibina pada zaman tertentu (*Kamus Dewan*, 2005).

Manakala Sidi Gazalba mentakrifkan seni sebagai sebahagian daripada kebudayaan yang dicetuskan oleh sesuatu kelompok manusia kerana fitrah manusia yang cinta kepada sesuatu yang menyenangkan hati melalui pancaindera yang lima. Penciptaan bentuk-bentuk kesenian tersebut mengandungi nilai estetika yang berpadu dengan nilai estetika Islam. Nilai dalam estetika itu adalah akhlak. Ibn Khaldun dalam tulisannya *Muqaddimah* berpendapat bahawa seni bina merupakan satu daripada ciri ketamadunan yang penting kerana ia adalah mercu kegemilangan sesuatu bangsa atau negara. Keagungan dan ketinggian sesuatu tamadun itu dapat diukur berdasarkan pencapaian dalam bidang seni bina (Ibn Khaldun, 1980).

3. Kemukjizatan al-Qur'an

Al-Qur'an adalah mukjizat terbesar Rasulullah SAW. Al-Qur'an bukan kitab mati, dia hidup menjawab segala persoalan zaman. Para ulama membuktikan kemukjizatan ayat-ayat al-Qur'an yang mewujud karomah, wasilah atas 'kehadiran' Allah. Para cendikiawan membuktikan bahawa dengan keberkatan al-Qur'an segala permasalahan hidup mennemui jalan keluar. Para ilmuwan membuktikan bahawa al-Qur'an adalah sumber segala ilmu pengetahuan, baik ilmu geografi, sains dan teknologi, sosial politik, budaya, sejarah, matematik dan melahirkan keajaiban dan intelektual.

Kata mukjizat berasal dari asal kata *a'jaza, yu'jiza, i'jazamu'jih(ah)* yang bererti melemahkan. Dari sini ia kemudian dijadikan istilah untuk menyebut kekuatan penakluk yang dimiliki oleh para anbiya' untuk menguatkan kenabian mereka (Ibn Manzur, t.t.) Ada beberapa kriteria yang harus dipenuhi jika sesuatu kejadian ingin disebut mukjizat (Yusuf al-Hajj Ahmad, 2010);

- i. Kejadian tersebut termasuk peristiwa langkah yang tidak mungkin mampu dilakukan oleh seseorang manusia, akan tetapi hanya Allah SWT sahaja yang mampu.
- ii. Kejadian itu menyimpang dari hukum alam.
- iii. Kejadian itu telah dijangkakan oleh orang bijak dan terjadi sesuai dengan apa yang diperkatakan.

Menurut Yusuf al-Hajj Ahmad (2010), beberapa fakta yang mesti dikenali dan pegang sebagai prinsip;

- i. Pertama, al-Qur'an adalah kitab petunjuk, bukan semata kitab ilmu pengetahuan. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

"Sesungguhnya al-Qur'an ini memberikan petunjuk kepada (jalan) yang lebih lurus."

(Al-Isra' 17: 9)

Petunjuk al-Qur'an disebar dengan berbagai formula. Ada yang menggunakan formula penjelasan retorik. Ada yang menggunakan formula penyapaan fitrah. Ada juga yang diformulasikan dalam bentuk perdebatan. Ada lagi yang desebar dengan tindakbalas tragedi umat yang terdahulu. Semua ini dibuktikan kepada manusia dengan pelbagai tingkat perhatian mereka dan bagi kalangan mereka yang terlibat dengan aktiviti sains

- ii. Kedua, kita tidak boleh terlibat dengan teori-toeri abstrak, akan tetapi kita mesti mengambil fakta-fakta pemerhatian. Sebab ilmu pengetahuan boleh benar dan dusta, sementara al-Qur'an tidak pernah dusta.
- iii. Ketiga. Penafsiran yang dilakukan dengan isyarat-isyarat saintis dalam al-Qur'an tidak boleh terlalu ekstrim. Allah menjadikan al-Qur'an dengan penuh hikmah dan tujuan-tujuan yang tertentu untuk menjaga seluruh kepentingan manusia agar mereka sentiasa

dalam keadaan terpimpin (Sheikh Muhd Mujahid, 2013). Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan (ingatlah tentang) hari Kami Bangkitkan dalam kalangan tiap-tiap umat, seorang saksi terhadap mereka, dari golongan mereka sendiri dan kami datangkanmu (wahai Muhammad) untuk menjadi saksi terhadap mereka ini (umatmu) dan Kami turunkan kepadamu al-Qur'an menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi hidayah petunjuk serta membawa rahmat dan berita yang menggembirakan, bagi orang-orang Islam.”

(An-Nahl 16: 89)

- iv. Keempat, kita harus memahami al-Qur'an sebagai retorikanya yang mengandungi pelbagai tafsiran. Bagi golongan yang beriman, pemahaman dan penghayatan terhadap ayat-ayat yang terkandung dalam al-Qur'an mampu memberikan keinsafan di dalam diri dan menambahkan rasa cinta kepada Allah SWT setiap kali membacanya (Sheikh Muhd Mujahid, 2013). Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesunguhnya orang-orang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifat-Nya) gementarlah hati mereka, dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, menjadikan mereka bertambah iman dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah.”

(Al-Anfal 8: 2)

Keaslian dan kemukjizatan al-Qur'an ini pun telah diakui oleh intelektual barat. Seorang ahli falsafah Harry Gaylord Dorman (1948) telah menulis:

“Kitab Qur'an ini adalah benar-benar firman Tuhan yang dibaca oleh Jibril, sempurna setiap hurufnya. Ia merupakan satu mukjizat yang tetap benar hingga kini bagi membuktikan kebenaran Muhammad. Mutu keajaibannya terletak sebahagian pada gayanya yang begitu sempurna dan agung, sehingga tak mungkin ada seorang manusia atau syaitan sekalipun yang dapat menandinginya, walaupun hanya surah yang pendek.”

4. Ibrah Senibina dalam al-Qur'an

Kisah para rasul di dalam al-Qur'an merupakan isu penting yang tidak mungkin dipisahkan dari lipatan lembaran keilmuan umat Islam. Memahami kisah para rasul bererti membenarkan dan meyakini wahyu Allah SWT. Betapa tidak, dengan memahami kisah tersebut ia menjadi panduan dan iktibar kepada umat Islam membina momentum serta mencipta kejayaan yang lebih gemilang. Sains termasuk senibina ialah pengkajian akal ke atas alam maya ini. Manakala al-Qur'an merupakan “miftahul kitab” (kitab terbuka) yang sentiasa mengajak manusia menggunakan akal fikiran untuk berfikir tentang tentang kebesaran Allah SWT melalui alam maya yang diciptakan ini.

Sains dan agama adalah bersepada dan tidak boleh dipisahkan. Kisah umat yang terdahulu yang turut telah mencapai kemajuan sains dan teknologi telah tercatat dalam al-Qur'an. Kehebatan kaum Thamud dalam senibina (Surah al-A'raf: 74), kejayaan kaum 'Aad (Surah al-Fajr: 6-8), binaan empangan Saba' di dalam zaman Nabi Sulaiman dan lain-lain adalah merupakan rahsia yang tersenbuni yang hanya dapat disingkap melalui tadabbur dan penelitian yang mendalam.

Pada pandangan penulis, sesuatu yang perlu diterima ialah tiada pengkajian yang khusus sama ada dari ahli sejarawan Islam dan sejarawan barat dalam mengaitkan penemuan-penemuan seni bina umat terdahulu dengan apa yang dirakamkan dalam al-Quran. Penemuan-penemuan yang ada pada masa kini lebih kepada penemuan arkeologi pengkaji kini terhadap kejayaan tamadun umat terdahulu. Penulis hanya menyorot beberapa contoh seni bina berdasarkan ayat-ayat Allah dalam al-Qur'an agar penemuan-penemuan seni bina masa kini boleh dimanfaatkan untuk memahami ayat-ayat tertentu dalam al-Qur'an.

Umat Islam seharusnya tidak melihat kisah dalam al-Qur'an seperti mereka memandang kisah-kisah lain dengan pandangan hiburan kosong. Kisah-kisah dalam al-Qur'an merupakan kajian lepas (*literature*) terbaik dari Allah untuk diambil perhatian dan pengajaran untuk seluruh manusia. Terdapat beberapa kepentingan menurut pandangan penulis:

Pertama, sebagaimana yang Allah SWT sebutkan dalam firman-Nya:

Maksudnya:

"Maka ceritakanlah (kepada mereka) kisah-kisah itu agar mereka berfikir."

(Al- A'raf 7: 176)

Al-Qur'an banyak menceritakan tentang umat terdahulu untuk dijadikan iktibar dan pengajaran oleh seluruh umat manusia. Ilmuwan Islam seperti al-Biruni dan tokoh lain mengasaskan suatu ilmu yang dikenali sebagai *al-athar al-baqiah* yang mengkaji peninggalan sejarah yang dinyatakan oleh al-Qur'an secara khususnya serta sejarah peninggalan generasi terdahulu. Teknologi moden menemukan kesan peninggalan kaum Nabi Hud di Yaman melalui panduan satelit (Mat Rofa Ismail, 2016). Ahli arkeologi menemui bangunan yang tinggi yang bertepatan dengan surah al-Fajr ayat 6:8:

Maksudnya:

"Tidakkah engkau memerhatikan bagaimana Rab (tuhan) engkau lakukan kepada kaum 'Aad (iaitu penduduk) Iram yang mempunyai bangunan tinggi. Yang belum pernah dibina serupa itu di negeri-negeri lain."

(Al-Fajr 89: 6-8)

Kedua, untuk menguatkan hati Nabi SAW, sebagaimana firman Allah SWT:

Maksudnya:

"Dan semua kisah dari rasul-rasul Kami ceritakan kepadamu, ialah kisah-kisah yang dengannya Kami teguhkan hatimu; dan dalam surat ini telah datang kepadamu kebenaran serta pengajaran dan peringatan bagi orang-orang yang beriman."

(Hud 11: 120)

Al-Qur'an telah menceritakan tentang kisah Nabi Musa AS mlarikan diri dari dikejar oleh dengan Firaun lebih empat belas lamanya, Nabi Musa AS bersama kaumnya terselamat menyemberangi Laut Merah dan Firaun bersama tenteranya tenggelam dalam lautan. Ramai yang menganggap kisah ini sebagai mitos, sampai akhirnya pada tahun 1898 ilmuan Inggeris berjaya menemukan mumia Manbatakh putera Ramsees II (firaun era Nabi Musa AS di kota Thebes. (Yusuf al-Hajj, 2010).

Di sini kemukjizatan ayat-ayat al-Qur'an terbukti dengan nyata. Al-Qur'an menceritakan tentang Nabi Musa AS membelah Laut Merah (Surah al-Syuaraa': 63). Pada 1975, ahli bedah Perancis Maurice Bucaile mendapat izin dari pemerintah Mesir untuk melakukan penelitian lebih lanjut. Bucaile berhasil membuktikan bahwa Fir'aun meninggal tenggelam di dalam laut. Ini terbukti dari bekas-bekas garam yang ditemukan di sekitar tubuhnya. Bahkan, Bucaile berkata:

"Alangkah agungnya contoh-contoh yang diberikan oleh ayat-ayat al-Qur'an tentang tubuh Fir'aun yang sekarang berada di ruang Mumi Museum Mesir di kota Kairo. Penyelidikan dan penemuan moden telah menunjukkan kebenaran al-Qur'an."

Malah apa yang menariknya ialah kesan sejarah peninggalan kereta kuda Firaun telah ditemui oleh ahli sejarawan dan arkeologi dengan bantuan teknologi dan satelit yang canggih.

Ketiga, mengenal pasti kekuasaan Allah SWT memberikan berbagai macam hukuman kepada orang-orang yang menyimpang, sesuai dengan hikmah yang telah ditetapkan-Nya. Di dalam al-Qur'an, Allah SWT telah merakamkan banyak ayat tentang azab yang ditimpakan ke atas kaum terdahulu yang lalai dan syirik kepada-Nya. Sebagai contoh Allah SWT menimpakan banjir yang besar ke atas kaum Nabi Nuh AS. Firman Allah SWT :

"Dan (telah Kami binasakan) kaum Nuh tatkala mereka medustakan rasul-rasul. Kami tenggelamkan mereka dan Kami jadikan cerita (mereka itu pelajaran bagi manusia. Dan Kami telah menyediakan bagi orang-orang yang zalim azab yang pedih."

(Al-Furqan 25:37)

5. Contoh Ibrah Senibina di dalam al-Quran

1. Pembinaan bahtera Nabi Nuh AS

Nabi Nuh AS adalah nabi keempat sesudah Nabi Adam A. S selepas Nabi Syith dan Nabi Idris dan keturunan kesembilan dari Nabi Adam AS. Ayahnya ialah Lamik bin Metushalih bin Idris bin Yarid bin Mihlai bin Qinaan bin Anusy bin Seth bin Adam AS (Muhammad Jaya, 2012). Kisah Nabi Nuh AS jika hendak dibandingkan dengan kisah Nabi Idris AS yang terdapat dalam banyak surah. Dia diutus kepada kaumnya yang sudah berpaling menyembah patung-patung berbuat kezakiman dan kekufuran. Allah SWT berfirman yang ertinya:

"Lalu Kami wahyukan kepadanya: "Buatlah bahtera di bawah penilikan dan petunjuk Kami, maka apabila perintah Kami telah datang dan tanur telah memancarkan air, maka masukkanlah ke dalam bahtera itu sepasang dari tiap-tiap (jenis), dan (juga) keluargamu, kecuali orang yang telah lebih dahulu ditetapkan (akan ditimpak azab) di antara mereka. Dan janganlah kamu bicarakan dengan Aku tentang orang-orang yang zalim, karena sesungguhnya mereka itu akan ditenggelamkan."

(Mu'minun 23: 26 – 27)

Persoalan yang perlu dibincangkan adalah saiz kapal yang perlu dibina oleh Nabi Nuh AS. Ini adalah penting bagi menampung jumlah muatan yang perlu dimuatkan ke dalamnya. Ini selaras dengan perintah Allah SWT agar dibawa masuk ke dalam kapal setiap jenis haiwan

berpasangan, tumbuhan dan ahli keluarga setelah kapal tersebut siap (lihat Surah Hud: 40 dan surah al-Mukminun: 27). Ada dakwaan bahawa kayu yang digunakan dalam pembinaan bahtera Nabi Nuh AS diperbuat dari kayu jati.

Berikut merupakan pandangan dalam terjemahan kitab Tafsir Ibn Kathir berkaitan tentang saiz bahtera Nabi Nuh AS. Antaranya riwayat dari Ibnu Abbas mengatakan, panjang bahtera tersebut adalah 1,200 hasta dan lebar 600 hasta. Menurut Muhamad bin Ishaq, saiz kapal itu digambarkan adalah panjangnya 180 hasta dan lebar 50 hasta. Manakala semua riwayat mengatakan tinggi bahtera tersebut ialah 30 hasta. Bahtera tersebut terdiri dari 3 tingkat. Setiap tingkat dengan ketinggian 10 hasta. Tingkat bawah disediakan untuk haiwan ternak dan binatang buas. Bahagian tengah untuk manusia sedangkan tingkat atas untuk bangsa burung. Pintu bahtera tersebut berada di bahagian lebar bahtera. Dan bahtera tersebut mempunyai penutup yang berada di atas yang menutupi bahtera. (H. Salim Bahreisy & H. Said Bahreisy, 1992)

2. Seni bina Kaum Thamud

Nabi Saleh As diutus di tengah-tengah kaum Thamud yang hidup di kawasan peninggalan keruntuhan kaum ‘Aad iaitu di al-Hijr. Al-Hijr adalah daerah antara Hijaz dan Tabuk. Thamud sendiri adalah nama suku kabilah terkenal. Mereka adalah bangsa Arab ‘Aribah iaitu asli.

Dari segi seni bina, kaum Thamud lebih maju dari kaum ‘Aad kerana mereka lebih baik dalam membuat perparitan bagi mengairi kawasan pertanian mereka. Mereka mampu mengolah batu, gunung dan memahat bukit bukau bagi membangunkan bangunan bangunan megah sepetimana yang dilakukan oleh kaum ‘Aad (Muhamad Jaya, 2012). Firman Allah SWT:

“Dan kepada kaum Tsamud (Kami telah mengutus) saudara mereka, Saleh. Ia berkata, “Hai kaumku, sembahlah Allah, tidak ada Tuhan bagi kalian selain-Nya .Kalian dirikan istana-istana di tanah-tanahnya yang datar dan kalian pahat gunung-gunungnya untuk dijadikan rumah; maka ingatlah nikmat-nikmat Allah dan janganlah kalian merajalela di muka bumi membuat kerosakan.”

(Al-A’raf 7: 73-74)

Hari ini kota kaum Thamud dikenali dengan nama Bandar Petr, Jordan. Tiada kajian yang tepat dari kalangan pengkaji yang mengaitkan penemuan Bandar Petra dengan kaum Nabi Saleh AS. Petra (Yunani), yang bermaksud batu; Arab: البتراء, Al-Batra adalah sebuah bandar bersejarah dan arkeologi di Jordan dalam daerah pentadbiran Ma'an. Pengkaji barat mempercayai bahawa bandar ini dibina sebagai ibukota kerajaan Nabatean hasil seni pemotongan batu pada 9 SM-40 M.

Lokasinya tidak diketahui oleh dunia Barat hingga tahun 1812, ketika pertama kali diperkenalkan kepada umum oleh Swiss Explorer Johann Ludwig Burckhardt. Digambarkan sebagai "a rose-red city half as old as time" oleh pemenang Hadiah Newdigate Soneta oleh John William Burgon. UNESCO telah menggambarkan Petra sebagai "salah satu kekayaan budaya paling berharga daripada warisan budaya manusia."

Sepanjang Kota Petra ini terdapat sistem pengairan yang maju bagi menyediakan bekalan air bersih dan pembuangan yang sempurna. Terdapat terowong air yang menyalurkan air bersih ke seluruh kawasan kota. Mereka juga memiliki teknologi hidrolik untuk mengangkat air. Mereka juga sangat mahir dalam membuat tangki air bawah tanah bagi mengumpulkan air bersih yang akan digunakan bagi tujuan bekalan untuk mengembala. Kaum Nabatean mewarisi ilmu kaum Ahqaf di Hadramaut , Yaman. Mereka memiliki kemahiran memahat bukit yang menjadi rumah.

3. Seni bina Kaum Aad

Pada akhir tahun 80-an dan awal 90-an, empat ahli arkeologi iaitu Nicholas Clapp, George Hedges, Dr. Juris Zarins dan Ranulph Fiennes telah berusaha untuk mencari satu kerajaan yang musnah seperti yang telah diceritakan dalam al-Quran. Rujukan utama mereka adalah al-Quran dan cerita-cerita lisan daripada masyarakat Badwi.

Dr. Zarins yang bertindak sebagai ketua arkeologi dalam pencarian tersebut telah bersama-sama Nicholas Clapp dan George Hedges meminta NASA merakamkan gambar sekitar tempat yang dimaksudkan mempunyai potensi untuk dikaitkan dengan kota purba Iram yang telah musnah. Gambar tersebut telah dirakamkan menggunakan satelit NASA, SPOT (Satellite Pour l'Observation de la Terre). Rakaman tersebut mengejutkan mereka ternyata jelas jalanan lalu lalang unta dan sebuah runtuhan kota purba yang kelihatan mengelilingi sebuah ‘runtuhan’ oasis.

Pada 1992, ekskavasi telah dimulakan. Daripada hasil penemuan arkeologi, mereka bersepakat bahawa ia adalah kota Iram yang musnah seperti yang dimaksudkan dalam al-Quran berdasarkan karbondioksida yang terkandung, menyatakan bahwa ia sudah ada sekitar 6,000 tahun sebelum masehi. Menurut mereka lagi, kota yang ditemui itu adalah salah satu kota yang dimiliki oleh kaum A'ad dan banyak lagi yang tenggelam dalam ‘lautan’ pasir.

Terdapat beberapa persamaan hasil penemuan arkeologi dengan ayat-ayat Allah SWT yang menceritakan kisah kaum A'ad dan Nabi Hud AS. Antara penemuan tersebut ialah:

i. Tiang-Tiang Tinggi

Dalam al-Quran ada menyebut tentang kota Iram yang disifatkan mempunyai tiang-tiang yang tinggi.

“Apakah kamu tidak memperhatikan bagaimana Tuhanmu berbuat terhadap kaum ‘Aad? (iaitu) penduduk Iram yang mempunyai bangunan-bangunan yang tinggi. Yang belum pernah dibangun (suatu kota) seperti itu, di negeri-negeri lain.

(Al-Fajr 89: 6-8)

Menurut Mat Rofa Ismail (2016) para arkeologi telah menemui bandar Iram yang tertimbus yang memiliki bangunan dan tiang yang tinggi.

ii. Membina Benteng-Benteng

Kaum A'ad juga diriwayatkan membina benteng-benteng. Ia diceritakan Allah SWT dalam surah as-Syu'ara' ayat 128 sehingga 130:

“Apakah kamu mendirikan pada tiap-tiap tanah tinggi bangunan untuk bermain-main. Dan kamu membuat benteng-benteng dengan maksud supaya kamu kekal (di dunia)? Dan apabila kamu menyeka, maka kamu menyeka sebagai orang-orang kejam dan bengis.”

(As-Syu'ara' 42: 128-130)

Sepertimana perihal tiang-tiang yang tinggi yang dibina oleh kaum A'ad, mereka juga turut membina benteng yang dianggarkan mempunyai tinggi lebih daripada 2 meter. Jika mengikut rekod arkeologi, tiada tamadun sekitar 6,000 sebelum masih terkenal telah membina tembok atau benteng seperti yang dibina oleh kaum A'ad. Ia bertepatan dengan apa yang Allah SWT bicarakan dalam Surah al-Fajr ayat 8.

iii. Terdapat Kebun-Kebun dan Mata Air

“Dia telah menganugerahkan kepadamu binatang-binatang ternak, dan anak-anak. Dan kebun-kebun dan mata air.”

(As-Syu'ara' 42: 133-134)

Mengenai perihal kebun-kebun dan mata air, ia dapat dibuktikan melalui penemuan oasis di tengah-tengah kota Iram. Penemuan oasis merupakan titik pertama sebelum penemuan Kota purba Iram. Mata air merupakan sumber utama kepada kemajuan kota Iram satu ketika dahulu. Kaum ‘Aad dikatakan mencari nafkah dengan mengembala binatang ternak dan juga berdagang. Oasis milik kaum ‘Aad masih lagi boleh dilihat sehingga ke hari ini.

iv. Dimusnahkan oleh Angin Kencang

“Dan juga pada (kisah) Aad ketika Kami kirimkan kepada mereka angin yang membinasakan. Angin itu tidak membiarkan satupun yang dilaluinya, melainkan dijadikannya seperti serbuk.”

(Adz-Dzaariyat 51: 41-42)

Dalam surah adz-Dzaariyat ini, angin kencang telah membinasakan kaum ‘Aad yang sombong. Angin tersebut telah membinasakan seluruh masyarakat A’ad yang kufur terhadap Allah SWT. Hasil arkeologi membuktikan bahawa runtuhan kota Iram bagaikan serbuk dan ia bertepatan benar dengan apa yang dimaksudkan Allah swt dalam ayat 42 surah adz-Dzaariyat.

4. Nabi Sulaiman AS

i. Kerajaan Saba’

Kerajaan Saba’ wujud semasa pemerintahan Nabi Sulaiman AS. Ketika Nabi Sulaiman sampai ke Yaman sebuah negeri yang tandus, Nabi Sulaiman telah memanggil burung hud-hud. Namun ia tidak hadir sehingga baginda berjanji akan menyembelihnya jika tidak memberi alasan yang jelas. Ketika hud-hud memohon ampun dari Nabi Sulaiman AS dan mengatakan bahawa ia telah menyiasat sebuah negeri yang bernama Saba’ yang dipimpin oleh Ratu Balqis (Surah al-Naml: 20-44).

Kerajaan Saba’ terkenal dengan hasil alamnya yang melimpah, orang-orang pun banyak berhijrah dan bermitra dengan mereka. Perekonomian mereka begitu menggeliat hidup dan sangat dinamis. Allah SWT berfirman menggambarkan tentang kemakmuran kaum Saba’:

“Sesungguhnya bagi kaum Saba’ ada tanda (kekuasaan Allah) di tempat kediaman mereka, yaitu dua buah kebun, di sebelah kanan dan di sebelah kiri.”

(Saba’ 34: 15)

Yang membuat tanah di Ma’arib menjadi subur adalah empangan Ma’arib atau juga dikenal dengan nama empangan ‘Arim. Empangan yang panjangnya 620m, lebar 60m, dan tinggi 16m ini mendistribusikan airnya ke ladang-ladang penduduk dan juga menjadi sumber air di wilayah Ma’arib. Empangan Ma’Rib, iaitu satu empangan yang terkenal di dalam sejarah dunia.

Empangan ini telah dibina oleh arkitek arkitek purba Yaman yang sangat mahir dalam ilmu pembangunan. Empangan ini merupakan sebuah empangan raksasa yang dapat menakung air di antara dua buah gunung dengan kapasiti purata jutaan gelen sehari. Air itu dapat dipergunakan di waktu-waktu keperluan seperti menanam dan kegunaan harian.

ii. Pembinaan Istana

Pembinaan istana Nabi Sulaiman AS sangat indah, dibangunkan hasil dari usaha gotong royong manusia, binatang dan juga jin. Dindingnya juga diperbuat dari batu pualam, tiang dan pintunya daripada ukiran emas dan tembaga, atapnya daripada perak, hiasan dan ukirannya daripada mutiara dan intan berlian, pasir ditamannya ditaburi mutiara dan sebagainya (Muhammad Jaya, 2012).

5. Pembinaan Masjid

- i. Titik permulaan perkembangan seni bina Islam bermula dengan terdirinya masjid pertama yang dibina oleh Rasulullah SAW yang dikenali sebagai Masjid Quba. Masjid ini terletak lima kilometer dari Masjid Nabawi.
- ii. Masjid Nabawi dibina oleh Rasulullah SAW bersama-sama dengan kaum Muhajirin dan Ansar. Pada ketika ini, pembinaan masjid yang dibina oleh Rasulullah SAW tidak mempunyai menara, mihrab dan kubah. Manakala mimbarnya pula diperbuat daripada batang kurma. Rasulullah SAW juga mendirikan rumahnya sendiri di Madinah yang dikatakan terletak di atas sebidang tanah yang luasnya 100 hasta persegi. Ia dibina daripada kepingan tanah. Tiangnya diperbuat daripada batang kurma dan beratapkan daun kurma. Bukti ini amat jelas menunjukkan bahawa Rasulullah SAW mempunyai kebolehan dalam seni bina walaupun tidak mencapai taraf seni bina dalam erti kata yang sebenarnya seperti yang difahami pada hari ini.

6. Penutup

Sejarah telah membuktikan, Islam dengan ajarannya yang sempurna telah berjaya membangun sesebuah ummah dengan tamadunnya yang menjulang tinggi. Penerokaan dan pencapaian sarjana silam bukan sahaja menjadi rujukan barat untuk membina dan membangunkan tamadun Eropah pada abad ke 16 Masihi, malahan monumen, hasil karya dan penemuan sains mereka masih menjadi rujukan oleh intelektual masa kini.

Bagi Islam, ia sememangnya merupakan agama yang mendorong ketamadunan. Almarhum Ismail al-Faruqi dalam tulisannya *“Islam: The Civilizing Force”* menyebut “*Its Inspires and move the Muslim, to changes himself, the others, nature and the world*”. (Hilmy Bakar Almascaty, 1994). (Ia memberikan inspirasi dan mengerakkan seseorang Muslim untuk menukar dirinya, yang lain, alam sekitar dan mengerakkan seseorang seluruhnya). Oleh yang demikian tidak hairan dalam lipatan sejarah Islam, seni bina Islam telah memberikan sentuhan yang mendalam dan harmoni terhadap kematangan kerohanian serta identiti budaya dan sosial kepada banyak bangsa, bahasa dan etnik dunia.

Penekanan terhadap kepentingan seni bina bagi umat Islam tidak bererti kita terpaksa merujuk kepada kerja-kerja yang ditinggalkan oleh para ilmuan dalam sejarah Islam yang telah ketinggalan berbanding dengan teknologi hari ini. Sebenarnya orang Islam mempunyai potensi dan mekanisme untuk membangunkan seni bina dan teknologi mereka sendiri tanpa bergantung sepenuhnya kepada mana-mana pihak.

Adalah satu cabaran besar bagi ummah kini untuk menampilkan semula kemampuan seni bina Islam dalam menangani permasalahan dunia hari ini dengan mengenangkan paradigma tamadun dan pembangunan yang lebih unggul dan universal. Islam dengan kesyumulan ajarannya akan mengangkat harkat dan martabat ummah menjadi ummah yang kuat dan maju. Sebagaimana mana masa lalu Islam telah mengangkat martabat masyarakat jahiliyyah yang kecil dan berpecah belah menjadi penguasa dunia yang disegani dan digeruni musuh.

Generasi dan cendikiawan Muslim semestinya perlu membuat penilaian semula terhadap tradisi ilmu yang diwarisi supaya ketelanjuran pembaziran tenaga fikiran dan daya intelektual tidak terbuang sia-sia berterusan. Sebaliknya akidah Islam perlu dipertahankan

seimbang dengan pengarahan untuk membela ummah berdasarkan keperluan semasa, agar seni bina moden tidak diterajui oleh golongan yang telah hilang kepekaan tarhadap Islam (Lokman Abdul Rahman, 1996).

Manusia hari ini memerlukan seni bina baru yang memiliki satu misi dan falsafah yang berbeza dengan dan misi tamadun barat. Umat manusia memerlukan senibina yang memberikan ia agama, tetapi dia tidak kehilangan ilmu pengetahuan, yang dapat memberikan keimanan tetapi tidak melenyapkan akal, yang memberi roh (jiwa) tetap; tidak menghalang material, yang memberi akhirat tetapi tidak menghalang ia dari kekuatan, dan memberi akhlak tetapi tidak merampas kebebasan (Yusuf al-Qaradawi, 2015).

Al Quran telah memperlihatkan beberapa ciri penting mengenai sejarah dan pensejarahan serta hubungannya dengan tamadun manusia melalui peristiwa-peristiwa dan contoh-contoh umat terdahulu. Kisah-kisah yang dipaparkan di dalam Al Quran adalah merupakan peristiwa-peristiwa sejarah yang benar-benar berlaku, berbeza dari kisah-kisah yang dicipta oleh manusia yang penuh dengan unsur-unsur khayalan seperti cereka dan cerpen.

Di antara peristiwa-peristiwa sejarah yang disebut di dalam Al Quran yang dianggarkan sebanyak 1000 ayat ialah kisah-kisah nabi-nabi dan rasul-rasul sejak Nabi Adam AS hingga kepada zaman nabi Muhammad SAW dan kisah-kisah kaum-kaum seperti kaum 'Ad, Thamud dan Firaun serta kerajaan-kerajaan seperti Saba' dan sebagainya. Tujuan dan matlamat utama kisah-kisah diatas antara lain ialah supaya dijadikan contoh dan tauladan dalam hidup manusia seperti firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 111 yang bermaksud:

“Sesungguhnya pada kisah-kisah mereka itu terdapat pengajaran bagi orang-orang yang berakal.”

(Yusuf 12: 111)

Disamping itu banyak lagi keperluan lain dan kesemuanya berorientasikan agama bagi kisah-kisah di dalam Al Quran. Di antara keperluan tersebut ialah mengesahkan bahawa al-Quran itu adalah kitab Allah yang diwahyukan kepada junjungan Nabi Muhammad SAW. Keduanya menyatakan bahawa agama Islam adalah agama Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW. Ketiganya, mengesahkan bahawa wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dan nabi-nabi sebelumnya adalah datangnya daripada Allah SWT belaka. Keempatnya membenarkan janji baik dan buruk dari Allah SWT. Kelimanya memberi ingatan kepada manusia mengenai kejahatan syaitan dan sikap permusuhan terhadap manusia.

Seni bina Islam mempunyai rasional. Tradisi Islam mempunyai logik. Logiknya adalah amat objektif bukan subjektif kepada apa-apa sentimen. Ilmu logik Islam mempunyai cara, ta’rif, kaedah dan susunannya tersendiri. Seni bina Islam juga menggunakan kaedah emperikal yang diperkenalkan oleh Islam sejak abad ke 10 masih lagi. Ini terbukti dengan adanya alat-alat, formula-formula dan bahan-bahan kajian dalam bentuk klinikal. Seni bina Islam juga menggunakan kaedah penganalisaan, wujudnya formula baru mengenai berbagai ilmu dalam tamadun Islam. Seni bina Islam menggunakan kaedah sistesis ke atas sumber-sumber tamadun terdahulu. Tujuan terakhir dari keputusan seni bina adalah mencari pembuktian kebenaran.

7. Rujukan

- Al-Qur'an al-Karim.
- Abdul Rahman Nawas. (1995). *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Ahmad, Yusuf al-Hajj. (2010). Hj. Abu Maula MA, Hj. Abu Hana Lc dan Hj. Agus Irawan Lc (terj.). *Ensiklopedia Kemukjizatan Sains dalam al-Qur'an dan Sunnah*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication.
- Al-Abrashi, Mohammad 'Atiyyah. (1967). *Al-Tarbiyyah al-Islamiyyah Wa Falasifatuhi*. Misr: 'Isa al-Bab al-Halabi wa Syukratuhu.
- Al-Ghazali. (1967). *Ihya' Ulum al-Din*. Jil IV., Qaherah: al-Mu'asasah Halabi Wa Syukratuhu.

- Al-Qaradawi, Yusuf. (2015). *Hebatnya Islam Peradaban Alternatif Masa Depan* (terj.). Selangor: Syabab Book Link.
- Al-Zarnuji, Burhan al-Islam. (1986). Kitab Ta‘lim al-Muta‘allim Tariq al-Ta‘allum. Beirut: Matba‘ah al-Sa‘adah.
- Bucaille, Maurice. (1978). *The Bible, The Qur'an and Science*. USA: American Trust Publication.
- Dorman, Harry Gaylord. (1948). *Towards Understanding Islam*. New York.
- H. Salim Bahreisy & H. Said Bahreisy. (1992). *Tafsir Ibn Kathir* (terj.). Jil 4. Surabaya: Pt. Bina Ilmu.
- Hassan langgulong. (1967). Pendidikan Islam Satu Analisa Sosio Psikologikal. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Hilmy Bakar Almascaty. (1994). *Ummah Melayu Kuasa Baru Dunia Abad Ke 21*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd.
- Ibn Khaldun. (1990). *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Beirut : Dar Ibn Khaldun
- Lokman Abdul Rahma.n. (1996). *Sains dan teknologi: Senario Masa Hadapan Ummah*. Melaka: Majlis Agama Islam Melaka.
- Lois Lamya al-Faruqi. (1984). *Islamizing The Art Disciplines*, Kuala Lumpur: Third International Seminar on Islamic Thought.
- Manzur, Ibn. (t.t). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Sadit.
- Mat Rofa Ismail. (2016). *Bicarawara Sains Islam*. Kuala Lumpur: Karya Bestari.
- Muhammad Jaya. (2012). *Kisah Nabi Dalam al-Qur'an dan Injil*. Kuala Lumpur: Percetakan Zfar Sdn Bhd.
- Qamihah, Jabir. (1996). Modaser Rosder & Mohd Zawawi Abdullah (terj.). Nilai-Nilai Islam Satu Pengenalan. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Sheikh Muhd Mujahid. (2013) . *Ensiklopedia al-Qur'an*. Selangor: Must Read Sdn Bhd.
- Sidi Gazalba. (1977). *Pandangan Islam tentang Kesenian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- <http://pototravel.blogspot.my/2013/09/sejarah-ringkas-kota-antik-petra-jordan.html>
- oy-nadzri.blogspot.my/2010/03/petra-keajaiban-senibina-dari-keajaiban.html
- <http://masledi.blogspot.my/2012/08/penemuan-kota-kaum-aad-membuktikan.html>